

Headline	RHB Bank sasar premium RM7.5j daripada polisi baharu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	218,251	Readership	654,753
Section	Niaga	Page No	24
ArticleSize	80 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,954		



RHB Bank sasar premium RM7.5j daripada polisi baharu

KUALA LUMPUR – RHB Bank menyasarkan untuk mengaut premium RM7.5 juta menjelang akhir tahun ini daripada polisi yang baru dilancarnya, *Essential Elite SaverPlus*.

Ketua Pengeedaran Runcit Kumpulan, Yeoh Beng Hooi berkata, ini akan diterjemahkan kepada kira-kira 3,000 polisi.

“Sambutan kepada polisi itu ketika pelancaran awal baru-baru ini sangat menggalakkan dan setakat ini jualan telah mencecah RM500,000,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran polisi berkenaan di sini semalam.

Polisi *Essential Elite SaverPlus* dilancarkan bersama oleh RHB Bank serta rakan kongsi bankasuransnya, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (Tokio Marine).

Sementara itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh RHB Bank dan Tokio Marine berkata, polisi tersebut akan menawarkan pembayaran tunai sehingga empat peratus daripada jumlah asas yang diinsuranskan yang boleh dibayar setiap dua tahun.

“Pelanggan akan mendapati perlindungan hayat dan hilang upaya pada premium berpatutan sebagai pilihan yang menarik,” katanya.